SAMPEL PERCUMA

Kupasan Mutu Jawapan SPM 2025 Bahasa Melayu

Set penuh: Kertas Sebenar SPM 2025

8 subjek + kupasan mutu jawapan

Sampel ini: 4 muka surat. Set penuh ada:

- 9 fail PDF
- BM Kertas 1 & 2, BI Kertas 2 + Speaking, Sejarah Kertas 2 + SPMU
- Matematik, Matematik Tambahan, Fizik Kertas 1 & 2, Kimia Kertas 2, Bahasa Cina Kertas 1 & 2

RM34.90

BELI SET PENUH RM34.90 >

nightmew.com/p/kertas-sebenar-spm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
LEMBAGA PEPERIKSAAN

KUPASAN MUTU JAWAPAN

Sijil Pelajaran Malaysia 2025



BAHASA MELAYU
Kertas 1
1103/1

1.0 INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kod Mata Pelajaran:	1103/1
Bentuk Ujian:	Ujian Subjektif
Markah Penuh:	100 Markah
Masa:	2 Jam

1.1 REKA BENTUK INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kertas 1 mengandungi 2 bahagian, iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.

Bahagian A: Mengandungi 1 soalan (30 markah).
Soalan wajib dijawab.

Bahagian B: Mengandungi 4 soalan pilihan (70 markah).
Calon perlu menjawab 1 soalan sahaja.

2.0 PRESTASI CALON

2.1 PRESTASI CALON BAHAGIAN A

2.1.1 Prestasi Keseluruhan

Secara keseluruhannya, calon memahami tugasan soalan dengan tepat dan dapat menghuraikan idea dengan jelas. Bagi calon cemerlang, kematangan dalam menyampaikan idea terserlah dengan huraian jelas dan contoh yang sesuai. Calon juga dapat membuktikan kemampuan mereka menguasai tatabahasa Bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, masih terdapat segelintir calon yang gagal menguasai kemahiran menulis dan tidak dapat menyampaikan idea dengan baik dan berkesan.

2.1.2 PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

Kumpulan Prestasi Tinggi

Karangan calon menepati tema soalan. Idea dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai. Bahasa calon pula gramatis dari aspek kata dan ayat, kosa kata luas serta tepat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Wacananya lengkap dan unsur bahasa yang digunakan bervariasi. Calon turut menggunakan ungkapan yang menarik.

Kumpulan Prestasi Sederhana

Jawapan calon masih menepati tugasan berdasarkan bahan rangsangan yang diberikan. Idea yang dikemukakan masih relevan dengan kehendak tugasan dan huraian idea disampaikan dengan jelas. Dari aspek bahasa, calon masih menggunakan bahasa yang gramatis dari segi kosa kata dan pembinaan ayat. Walau bagaimanapun, penggunaan kosa kata masih umum dan agak terhad. Wacana yang dihasilkan masih lengkap, manakala unsur bahasa yang digunakan masih menunjukkan sedikit variasi.

2.2 KUPASAN JAWAPAN BAHAGIAN A

Grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan *dengan tabiat merokok dalam kalangan murid sekolah di negara kita*.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **tabiat merokok dalam kalangan murid sekolah** *di negara kita***.**

Panjang huraian anda hendaklah antara **150 hingga 200 patah perkataan.**

Calon dikehendaki menghuraikan **usaha-usaha menangani tabiat merokok dalam kalangan murid sekolah iaitu** mengadakan kempen Tak Nak Merokok dan kuat kuasa larangan merokok/kawasan larangan merokok/undang-undang



Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Sejak kebelakangan ini, isu ~~tabiat~~ merokok dalam kalangan murid sekolah semakin menjadi buah mulut masyarakat tempatan. Buktinya, sebanyak 341 orang murid didapati terjebak dengan perbuatan merokok, hasil daripada saringan yang dijalankan terhadap 2 juta orang murid sekolah rendah. Justeru, apakah langkah untuk membendung tabiat merokok dalam kalangan murid sekolah?

Penganjuran kempen kesedaran amat signifikan sebagai langkah dominan yang boleh dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Sebagai contoh, Kementerian Kesihatan Malaysia boleh mengadakan kempen katakan tidak pada rokok di sekolah-sekolah. Penekanan terhadap implikasi tabiat merokok hendaklah diberikan agar murid-murid dapat mempelajari kesan daripada aktiviti tidak bermoral itu. Natijahnya, gejala merokok dapat ditangani secara tidak langsung. Kesedaran murid-murid dapat dibentuk ~~kesedaran~~ mencegah lebih baik daripada mengubati.

Selain itu, penguatkuasaan larangan merokok juga antara inisiatif yang hendaklah diambil bagi mengurangkan tabiat merokok dalam kalangan murid sekolah. Individu yang berusia lapan belas tahun ke bawah perlu dikenakan denda atau kompaun sekiranya didapati merokok. Langkah ini penting bagi mengurangkan tabiat merokok berleluasa dalam kalangan murid sekali gus dapat membentuk disiplin dalam diri murid-murid untuk sentiasa mematuhi undang-undang.

Tuntasnya, benarlah melalui pelaksanaan kempen kesedaran dan menguatkuasakan larangan merokok merupakan antara langkah yang efektif dalam usaha tabiat merokok dalam kalangan murid sekolah. Masyarakat tidak sepatutnya memandang enteng terhadap isu ini

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Sebenar SPM 2025

8 subjek + kupasan mutu jawapan

Sampel ini: 4 muka surat. Set penuh ada:

- 9 fail PDF
- BM Kertas 1 & 2, BI Kertas 2 + Speaking, Sejarah Kertas 2 + SPMU
- Matematik, Matematik Tambahan, Fizik Kertas 1 & 2, Kimia Kertas 2, Bahasa Cina Kertas 1 & 2

RM34.90

BELI SET PENUH RM34.90 >

nightmew.com/p/kertas-sebenar-spm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar